

KETIKA kecil dulu dia sering tertanya mengapa ibu dan bapanya sering tiada di rumah. Tidak seperti ibu bapa rakan-rakannya yang setiap kali kelapangan santai di rumah atau keluar bersiar-siar bersama seisi keluarga pada hujung minggu, rupa-rupanya ketiadaan ibu bapanya yang sentiasa sibuk sebenarnya ada rahmat tersembunyi kerana ia menjadikan dia adik beradik lebih berdikari.

Namun sebaik usianya meningkat remaja, Fadhliina Mohd Siddiq mula memahami satu perkara, ibu bapanya mempunyai misi lain selain komitmen kerjaya iaitu sebagai aktivis sukarelawan.

"Bapa, Datuk Dr Siddiq Fadhil dan ibu, Dr Siti Zalikhah Mohd Noor, sering membabitkan diri dalam aktiviti sukarela. Pada mulanya saya sendiri kurang faham dengan kesibukan mereka kerana ketika itu saya masih kecil.

"Mereka memilih Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim) yang dianggap saluran terbaik dalam menyalurkan bantuan sebagai sukarelawan. Apabila dewasa, nilai berkisar kerja sukarelawan ini mendorong saya membabitkan diri seawal di universiti dan peluang terbuka apabila saya bekerja," katanya yang bertugas sebagai pengamal undang-undang syarie.

Merungkap jiwa besar wanita berusia 30-an itu, dia tidak betha melepaskan kerja sukarelawan meskipun menggalas pelbagai tugas - iaitu sebagai ibu dan isteri selain memenuhi komitmen kerjaya.

"Memanglah kalau melihat kedudukan saya kini sudah berkeluarga dan sibuk bertemu pelanggan, saya tidak punya ruang cukup dalam kerja bakti sebegini. Namun saya beruntung kerana keluarga tinggal berdekatan dan kerjaya saya dalam undang-undang memberi saya kelebihan untuk menjadi sukarelawan. Ia menjadi satu keperluan untuk membantu mereka memerlukan.

"Malah bapa saya sentiasa mengingatkan, dalam hidup ini kita perlu

memerlukan kesungguhan," katanya yang turut memegang jawatan sebagai Setiausaha Bahagian Hal Ehwal Wanita (Helwa) Abim.

Dia cukup dikenali dalam usaha memperjuangkan hak wanita dan kanak-kanak, memandangkan dua golongan ini sering menjadi mangsa dalam sebarang bentuk keganasan rumah tangga mahupun kemiskinan.

"Saya terpenggil membantu dua golongan ini kerana mereka adalah sasaran mudah apabila kes membabitkan kes keganasan rumah tangga mahupun kemiskinan.

"Saya melihat banyak ketidakseimbangan berlaku dalam kes rumah tangga terutamanya banyak berkait soal nafkah melihat kesannya terhadap isteri dan kanak-kanak. Adakalanya kes berkaitan nafkah juga menjadi pencetus kepada isu berkaitan didera suami mahupun se-

baliknnya," katanya serius.

Dia kerap memberi seminar membabitkan kekeluargaan juga turut memberi penekanan mengenai isu kerapuhan sosial berkaitan remaja terlanjur membabitkan kes mengandung bawah umur dapat diteliti serius semua pihak.

"Saya melihat itu krisis yang perlu diteliti oleh semua peringkat masyarakat kerana peningkatan kes membabitkan remaja terlanjur lalu mengandung kian meningkat.

"Khidmat saya serta rakan lain meskipun tidak dapat mengekang barah sosial melanda, tetapi saya berharap boleh menghulur bantuan mengurangkan kemungkinan remaja ini terus hanyut," katanya yang mempunyai insur dalam memberi khidmat menyeluruh.

Menurut ibu kepada tiga cahaya mata itu, setiap kerja sukarelawan perlu ada perancangan dan sistematik. Oleh itu kerja secara berpasukan adalah saranan kepada mereka yang mahu membabitkan kerja khidmat sosial ini.

"Saya memahami ramai berminat untuk m e m b a n t u orang lain menerusi kerja sosial sebegini. Nasihat saya, bekerjalah dalam satu jemaah dan bukannya

PROFIL

NAMA: Fadhliina Mohd Siddiq

ASAL: Kajang, Selangor.

KERJAYA: Pengamal Undang-undang Syarie

JAWATAN: Setiausaha Hal Ehwal Wanita Abim

PEMBABITAN: Aktif dalam khidmat runding syarie, Speaker dalam program kekeluargaan Kuala Lumpur dan Selangor, Program perlindungan remaja bawah umur serta program kemiskinan bawah Abim.

KELUARGA: Mohd Fadzli Arsad (suami) serta anak; Thuraya Fadhilah (7), Sarah Fadhilah (5) dan Maryam Fadhilah (3).

bergerak solo. Tambah pula individu itu perlu tahu kecenderungan dan kekuatan dia.

"Bagi mereka yang gemar soal berkaitan alam sekitar pilihlah kerja sosial sebagai aktivis alam sekitar atau haiwan. Kecenderungan kerja amal saya lebih kepada memenuhi keperluan masyarakat. Saya bergerak berpasukan dan kami mempunyai tenaga profesional berkaitan kaunseling, kebajikan malah undang-undang. Mereka ini banyak membantu saya berusaha lebih gigih," katanya.

Cabaran dihadapi Fadhliina, dia tidak menafikan dugaan cukup besar kerana bukan mudah apabila terpaksa berurusan kes tertentu.

"Kerja sosial saya lakukan kadang kala mengundang marah sesetengah pihak terutama apabila membabitkan soal keganasan rumah tangga. Ugutan bunuh, sihir atau diacah parang sudah menjadi asam garam apabila saya serta rakan ingin membantu isteri mahupun anak didera.

"Selain itu, bagi golongan miskin pula, ada yang ego dan sanggup membuang beras pemberian kami ke dalam longkang kerana berasakan mereka tidak wajar digolongkan dalam kumpulan terbabit. Kami reda dan menganggap masyarakat ini sebenarnya perlu dididik dan bukannya sekadar memberi," katanya.

Ditanya sama ada dia sedih dengan cabaran dan patah hati setiap kali berhadapan dengan situasi sedemikian, Fadhliina berkata adanya pengalaman sebegini memantapkan dia serta pasukannya dalam menangani setiap situasi.



Metro 2/9/12 ms 10

memberi manfaat kepada orang lain. Nasihat inilah yang banyak menyuntik semangat saya dalam kerja sosial sebegini.

"Sukarelawan 'on' dan 'off' memang ramai tetapi sukarelawan jitu yang boleh menabur bakti dari mula sampai ke penghujung masih kurang kerana ia

"Adanya perkara sebegini, saya dan ahli pasukan banyak memahami dan belajar pelbagai pendekatan dalam membantu golongan tertentu. Secara tidak langsung kita dapat memahami kepelbagaian peribadi manusia," katanya.



Fadhlina perjuang hak wanita dan kanak-kanak